

## SISTEM PROMOSI BAGI USAHAWAN DI UKM (E-MART)

Siti Noraizam binti Agus Mizam, Noorazean Mohd Ali

<sup>1,2</sup>*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

### ABSTRAK

Pada era kini, ramai pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mencari pendapatan sampingan bagi menampung kos sara hidup mereka di universiti dengan berniaga. Usahawan ini menjadi ejen sesuatu produk atau menjual produk yang mereka bangunkan sendiri. Namun begitu, mereka menghadapi kesukaran bagi mendapatkan pembeli melihatkan kepada pendekatan yang kurang efektif kerana tiada platform tetap bagi usahawan mempromosikan produk mereka di UKM. Para usahawan selalunya mempromosikan produk mereka di kumpulan sembang yang terdapat di Telegram dan WhatsApp. Promosi yang dilakukan kebiasaannya dianggap sebagai spam dan tidak dibaca oleh pelajar-pelajar lain. Para usahawan juga mengiklankan produk mereka di media sosial seperti Instagram dan Facebook yang mana kurang efektif disebabkan jumlah tontonan yang bergantung kepada jumlah pengikut mereka serta fungsi media sosial itu sendiri yang digunakan untuk bersosial. Oleh itu, Sistem Promosi bagi Usahawan di UKM (E-Mart) dibangunkan supaya ia dapat menjadi satu platform yang dapat digunakan oleh seluruh pelajar UKM dalam urusan jual beli. Sistem ini dibangunkan menggunakan kaedah pertambahan. FileZilla, Bootstrap Studio, Apache HTTP Server, PhpMyAdmin dan Sublime Text Editor digunakan sebagai perisian bagi membangunkan sistem ini. Pemegang taruh bagi sistem ini ialah pembangun sistem. Kesimpulannya, Sistem Promosi bagi Usahawan di UKM (E-Mart) ini membolehkan pelajar di UKM melakukan urusan jual beli tentang produk yang diingini dalam satu sistem yang teratur.

## PENGENALAN

Pada zaman serba moden ini, bidang keusahawanan merupakan satu bidang yang tidak asing lagi untuk diterokai setiap lapisan masyarakat tanpa mengira usia. Bidang keusahawanan di Malaysia juga telah berjaya melahirkan usahawan yang mampu mengukir nama di persada anatarabangsa seperti Vivy Yusuf iaitu pengasas produk *Duck Group*. Selain itu, akhbar-akhbar sering memaparkan kejayaan pelajar yang berjaya menjana pendapatan sendiri pada usia muda dengan menjadi agen atau stokis kepada sesuatu produk. Oleh itu, pemerkasaan perniagaan dan keusahawanan haruslah dilakukan kepada pelajar sekolah mahupun universiti. Hal ini kerana bidang keusahawanan membuka peluang bagi menjana pendapatan yang lumayan dan melahirkan usahawan yang terbilang tanpa mengambil kira faktor usia. Pentingnya bidang keusahawanan dibuktikan apabila Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengeluarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2021-2025 Naratif Baharu Program Pembangunan Keusahawanan di IPT, yang mana menggariskan tiga teras utama yang dapat melahirkan graduan yang berjiwa keusahawanan dan mempunyai motivasi bagi memulakan perniagaan sendiri selepas mereka tamat pengajian.

Selaras dengan pembangunan teknologi yang semakin berkembang pesat, perniagaan atas talian kini mendapat sambutan hangat. Aktiviti jual beli yang dijalankan di atas talian telah menjadi gaya hidup bagi hampir kesemua masyarakat di Malaysia. Para pelajar di Universiti juga tidak terkecuali melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan atas talian. Menurut Md Sum, et al (2021), penglibatan graduan untuk memasuki bidang keusahawanan akan dapat mengurangkan kadar pengangguran dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Kebanyakan pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), gemar melayari media sosial seperti Instagram, Twitter dan Tiktok yang mana banyak memaparkan produk-produk jualan oleh


usahawan di media sosial. Produk-produk yang tular di media sosial kebiasanya akan menarik minat pelajar universiti untuk membelinya. Tidak kurang juga kepada yang tertarik untuk menjadi agen kepada produk tersebut disebabkan peluang yang dilihat bagi menjana pendapatan.

Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) juga telah memperuntukkan sejumlah 20 juta ringgit bagi merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi untuk melahirkan sekurang-kurangnya 10,000 usahawan pelajar di universiti awam, politeknik dan kolej komuniti pada tahun 2021. Ini membuktikan bahawa kerajaan amat menggalakkan graduan bagi menceburi bidang keusahawanan.

Akan tetapi, pelajar di universiti tidak mempunyai pengalaman bagi memasuki bidang keusahawanan. Para pelajar juga tidak mempunyai keyakinan bahawa perniagaan mereka disokong orang lain. Maka, Sistem Promosi bagi Usahawan di UKM (E-Mart) ini dibangunkan bagi membantu semua pelajar UKM menceburi bidang keusahawanan dengan disokong oleh seluruh pelajar di UKM dan seterusnya dapat membantu merealisasikan hasrat Kerajaan yang ingin melahirkan usahawan pelajar yang berdaya saing. Sistem ini akan menggunakan Model Pertambahan.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi yang dipilih bagi membangunkan sistem ini adalah sangat penting supaya kerja yang dilakukan dapat difahami dengan lebih terperinci. Sistem Promosi bagi Usahawan di UKM (E-Mart) ini dibangun dengan menggunakan Model Pertambahan seperti yang ditunjukkan di Rajah 1. Model ini dipilih kerena ia merupakan model dengan pengurusan yang sederhana, lebih selamat digunakan dan ia lebih fleksibel dalam perubahan keperluan pengguna. Selain itu, pembangun juga mudah untuk mengidentifikasi masalah ketika pembangunan dan memperbaikinya. Projek ini mempunyai 3 fasa yang mana setiap satu harus diselesaikan sebelum ke fasa seterusnya.



### Fasa Keperluan

Fasa ini melibatkan pengumpulan dan menganalisis keperluan projek, termasuk skop, objektif dan kekangan. Fasa ini juga melibatkan penentuan rancangan keseluruhan projek dan mengenal pasti sumber yang diperlukan bagi membangunkan Sistem Promosi bagi Usahawan di UKM (E-Mart).

### Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Fasa ini melibatkan proses merangka rajah model berdasarkan maklumat yang dikumpul di fasa keperluan. Fasa ini meliputi rekabentuk senibina, pangkalan data, dan antara muka sistem dan pengaliran maklumat berdasarkan keperluan yang telah dikenalpasti. Antara muka sistem yang akan dibangunkan dengan menitikberatkan antara muka yang mesra pengguna dan tidak serabut. Pemilihan warna yang tidak terlalu menyerlah juga diambil kira dalam proses ini. Fasa ini dapat menentukan sama ada pengguna berminat atau tidak untuk menggunakan sistem ini dengan hanya melihat antara muka dan fungsi yang disediakan sistem. Fasa pembangunan pula menjadikan fasa reka bentuk sebagai rujukan bagi membangunkan prototaip yang dapat

memenuhi keperluan pengguna mengikut fungsi dan spesifikasi sistem yang telah dirancang. Prototaip haruslah berfungsi mengikut ciri-ciri yang diinginkan.

### **Fasa Pengujian**

Setelah fasa pembangunan dijalankan, sistem akan melalui fasa pengujian oleh penyelia. Fasa ini dijalankan bagi melihat keberkesanan fungsi di dalam Sistem Promosi bagi Usahawan di UKM (E-Mart). Pelbagai komponen sistem, serta fungsi tambahan, disemak, disepadukan, dan diuji secara keseluruhan. Selepas setiap pelaksanaan kod, produk harus diuji untuk memastikan ia berfungsi dengan baik.

### **Fasa Pelaksanaan**


Akhir sekali, fasa pelaksanaan yang mana memperbetulkan sebarang kesalahan yang terjadi sepanjang pengujian berlangsung. Ia juga mempertingkatkan fungsi kualiti sistem dan menambahbaik kepada produk sistem akhir.

## **KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Kesemua spesifikasi dan perancangan akan diimplementasi dalam bentuk pengaturcaraan dan antara muka sistem. Bahagian ini akan menerangkan antara muka sistem dengan lebih terperinci. Antara muka sistem amat penting memandangkan ia merupakan perkara pertama yang dilihat oleh pengguna. Pengguna harus memahami antara muka sistem dengan pantas supaya mereka tidak merasa bahawa sistem ini memeningkan. Jika suatu sistem itu mudah difahami, maka pengguna akan sering memilih untuk menggunakan sistem tersebut tanpa ragu-ragu.

Setiap fungsi yang telah dirancang pada fasa rekabentuk akan dijalankan dengan menggunakan Sublime Text dengan bahasa pegturcaraan PHP, HTML/CSS, Javascript dan kerangka Bootstrap. Pangkalan data yang digunakan ialah MySQL menggunakan perisian phpMyAdmin.

Rajah 2 di bawah menunjukkan halaman log masuk pengguna yang mana pengguna berdaftar harus memasukkan emel yang berdaftar di bawah UKM dan kata laluan bagi proses log masuk.




Rajah 2 Halaman Log Masuk

Pengguna baru perlu mendaftar akaun terlebih dahulu sebelum log masuk ke dalam sistem ini. Rajah 3 menunjukkan antara muka daftar akaun pengguna baru sebelum boleh mengakses ke Sistem E-Mart.

A screenshot of a web browser showing the registration page for 'E-mart Ukm'. The title bar of the browser is not visible. The main content is a registration form with the 'E-mart Ukm' logo at the top. It has fields for 'Name' (placeholder 'Student's Name'), 'Email' (placeholder 'Student's Email'), 'Password' (placeholder 'Password'), 'College' (a dropdown menu with 'Please select' option), and 'Phone Number' (placeholder 'Phone Number'). At the bottom are 'Register' and 'Clear' buttons.


Rajah 3 Halaman Daftar Akaun Sistem E-Mart

Jika maklumat log masuk berjaya diisi, pengguna berjaya log masuk ke dalam sistem dan halaman utama sistem akan dipaparkan. Di halaman utama sistem, pengguna dapat menyusun aturan senarai produk mengikut harga dan mencari barang mengikut kata kunci. Rajah 4 di bawah menunjukkan halaman utama Sistem E-Mart.




Rajah 4 Halaman Utama Sistem E-Mart

Seterusnya, adalah paparan telusur senarai produk. Pengguna boleh mencari produk berdasarkan kategori yang diingini. Kategori produk yang terdapat dalam sistem E-Mart adalah seperti dalam Rajah 5.



Rajah 5 Halaman Telusur Senarai Produk

Selain itu, pengguna boleh melihat maklumat bagi setiap produk dan menghubungi penjual bagi produk berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6. Jika pengguna berminat dengan produk tersebut, pengguna boleh memilih kuantiti produk yang diingini dan menambahnya ke troli.



Rajah 6 Halaman bagi maklumat produk

Rajah 7 di bawah menunjukkan troli pengguna dan maklumat produk yang telah ditambah oleh pengguna ke dalam troli. Seterusnya, pengguna boleh menekan butang “Book Now” di troli sekiranya pengguna berminat untuk membeli produk tersebut.

Shopping Cart					
Product Name	Product c	Quantity	Price	Subtotal	
Electrical Engineering : Knowledge Flow	RM 130	RM 130	1	<a href="#">Remove</a>	<a href="#">Book Now</a>
Choco Crispy	RM 13	RM 39	3	<a href="#">Remove</a>	<a href="#">Book Now</a>
Sheet Mask	RM 2	RM 8	4	<a href="#">Remove</a>	<a href="#">Book Now</a>
Wardah Exclusive Matte Lip Cream	RM 19	RM 38	2	<a href="#">Remove</a>	<a href="#">Book Now</a>
UKM Jersey	RM 40	RM 120	3	<a href="#">Remove</a>	<a href="#">Book Now</a>

Total Price: RM 335

[Continue Shopping](#)

Rajah 7 Halaman bagi Troli

Setelah pengguna menekan butang “Book Now”, pengguna perlu memuatnaik naik tangkap layar resit pembayaran yang telah dilakukan. Maklumat bagi melakukan transaksi pembayaran boleh didapati dengan menghubungi penjual. Rajah 8 di bawah menuukkan halaman bagi memuatnaik resit pembelian.

Checkout

Product Name:  
UKM Jersey

Product Price:  
RM 40

Quantity:  
3

Subtotal:  
RM 120

Upload Receipt: Screenshot proof of your payment  
 No file chosen

Rajah 8 Halaman bagi Memuatnaik Resit Pembelian

Rajah 9 di bawah menuukkan pesanan yang dibuat pengguna. *Order Details* ialah senarai pesanan yang masih belum diterima pengguna. Pengguna akan menekan butang “*Order Received*” apabila telah menerima pesanan. *Order History* pula ialah paparan pesanan yang pernah dibuat oleh pengguna. Pesanan akan memasuki *Order History* setelah butang “*Order Received*” ditekan oleh pengguna.


Order ID	Product Name	Quantity	Receipt Path	Actions
64c669bdc6b94	Kerepek Ubi	1	<a href="#">View Receipt</a>	<input type="button" value="Order Received"/>
64c6805b72de3	Kerepek Ubi	3	<a href="#">View Receipt</a>	<input type="button" value="Order Received"/>

Order ID	Product Name	Quantity	Receipt Path
64c66c5371065	Siti Noraizam	1	<a href="#">View Receipt</a>

Rajah 9 Halaman Pesanan Pengguna

Pengguna juga boleh menjadi penjual jika mereka ingin memulakan perniagaan. Pengguna ini hanya perlu menekan “Be a Seller” pada bahagian bar navigasi. Rajah 10 menunjukkan bahagian yang akan dipaparkan apabila pengguna menekan “Be a Seller” pada bar navigasi.



Rajah 10 Halaman bagi Penjual

Pengguna boleh memuat naik produk di bahagian *Register Product* dengan mengisi maklumat yang diperlukan seperti Rajah 11 di bawah.

 A screenshot of a 'Register Product' form. At the top, it features a navigation bar with the same links as the previous dashboard: 'Seller Dashboard', 'Register Product', 'Update Product', 'View Order', 'View Order History', and 'Main page'. Below the navigation bar, the title 'Register Product' is centered. To the left of the title is a small icon of a shopping cart with items. To the right of the icon is the text 'E-mart Ukm'. The form contains several input fields: 'Name' (Product Name), 'Price' (Product Price), 'Place' (Product Place), 'Description' (Product Description), and 'Category' (a dropdown menu with the placeholder 'Please select'). A large, diagonal watermark reading 'Copyright UKM' is overlaid across the entire image.

Rajah 11 Halaman Memuatnaik Maklumat Produk

Di samping itu, penjual boleh mengemaskini maklumat produk di bahagian *Update Product* seperti Rajah 12. Penjual boleh menghapuskan maklumat produk sekiranya produk tersebut tidak lagi dijual.

Product ID	Name	Price	Category	Description	Place
401	White cap with word "Hello"	25	accessories	Cap size : 56-60 cm, regular size, adjustable	Kolej Kursus Mas
402	Pink cap for women	25	accessories	Cap size : 56-60 cm, regular size, adjustable	Kolej Ungku Omar


Rajah 12 Halaman Mengemaskini maklumat produk

Bahagian View Order membolehkan penjual melihat pesanan yang diterima. Maklumat pembeli juga turut dipaparkan bagi rujukan penjual seperti Rajah 13.

Order ID	Product Name	Quantity	Buyer Name	Buyer Phone Number	Receipt Path
64c7e728bbe01	Sheet Mask	4	Siti Noraizam	0184535327	<a href="#">View Receipt</a>
64c7e44525fb	Electrical Engineering : Knowledge Flow	1	Siti Noraizam	0184535327	<a href="#">View Receipt</a>

Rajah 13 Halaman Melihat Pesanan

Rajah 14 di bawah menunjukkan halaman bagi penjual melihat pesanan yang pernah diterima. Maklumat ini boleh digunakan untuk menyemak stok, mengira untung dan rugi dan lain-lain.



Rajah 14 Halaman Melihat Pesanan Yang Lepas

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, Sistem E-Mart UKM dapat memudahkan usahawan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mempromosikan dan menjual produk mereka secara dalam talian. Sistem ini juga akan menyediakan pengalaman pengguna yang mesra dan efisien bagi pelajar UKM yang ingin melakukan aktiviti jual beli produk. Sistem ini juga dikira berjaya kerana objektif projek ini berjaya dicapai walaupun terdapat kekangan pada sistem yang mana boleh ditambahbaik pada masa akan datang. Dengan melakukan penambahbaikan berterusan pada sistem, pengguna dapat dapat menggunakan Sistem E-Mart ini dengan lebih yakin dan berjaya dalam usaha perdagangan dalam talian mereka. Sistem ini juga diharapkan dapat memberi manfaat secara langsung kepada usahawan UKM dengan memberi mereka platform yang mudah diakses untuk memasarkan produk mereka dan meningkatkan jualan.

## PENGHARGAAN

Syukur kehadrat Ilahi atas rezeki kesihatan dan akal fikiran yang diberikan bagi menyiapkan laporan usulan ini. Terima kasih khas juga ditujukan kepada penyelia saya, Dr Noorazean Mohd Ali di atas semua bantuan dan nasihat yang dihulurkan bagi menyiapkan laporan usulan ini.

Juataan terima kasih juga kepada Fakulti Teknologi Dan Sains Maklumat di atas penyediaan modul setiap minggu bagi memantapkan lagi penulisan laporan usulan.

Ucapan terima kasih tidak terhingga untuk kedua ibu bapa saya iaitu Siti Zaleha binti Nordin dan En Agus Mizam bin Muhamad di atas doa yang tidak putus-putus dan sokongan penuh dari segi mental dan fizikal dalam perjuangan menyiapkan laporan usulan ini. Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang bersama-sama berkongsi ilmu dan kemahiran masing-masing bagi menyiapkan laporan bagi projek ini.

Akhir sekali, saya dedikasikan ucapan terima kasih ini kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang menyiapkan laporan projek ini.

Sekian, terima kasih

#### **RUJUKAN**

Muhammad, A.A. 2020. Program keusahawanan berpotensi jana pendapatan.

<https://www.utusan.com.my/nasional/2020/10/program-keusahawanan-berpotensi-jana-pendapatan/> [12 November 2022].

Kementerian Pendidikan Tinggi. 2021. Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan

Tinggi (IPT) 2021-2025 Naratif Baharu Program Pembangunan Keusahawanan di IPT.

<https://www.mohe.gov.my/hebahan/kenyataan-media/pelan-tindakan-keusahawanan-ipt-2021-2025-naratif-baharu-program-pembangunan-keusahawanan-di-ipt>

[12 November 2022].

Md Sum, S., Ramli, Z., & Mohd Sabri, N. S. (2021). Kesediaan graduan memilih

keusahawanan sebagai bidang kerjaya. Malaysian Journal of Society and Space, 17(4).

Mohd Nor Efendee, H. E., & Othman, N. 2019. CABARAN KERJAYA KEUSAHAWANAN

ATAS TALIAN DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI KEBANGSAAN

MALAYSIA. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 2(7), 48–53.

Mohd Amin Jalil. (2021, March 26). KPT sasar lahir 10,000 usahawan pelajar tahun ini.

Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/800485/kpt-sasar-lahir-10000-usahawan-pelajar-tahun-ini> [ 3 Disember 2022].

Siti Noraizam binti Agus Mizam (A181180)

Dr. Noorazeen Mohd Ali

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat,  
Universiti Kebangsaan Malaysia